

PruBSN iTEKAD Protection

(Ini adalah produk takaful)

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK UNTUK AHLI YANG DILINDUNGI

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Pelanggan yang Dihormati,

Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai **Takaful Keluarga** anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

Tarikh: 15 Disember 2025

1 Apakah PruBSN iTEKAD Protection?

PruBSN iTEKAD Protection adalah skim takaful berkelompok patuh Syariah yang menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian tanpa kemalangan atau akibat kemalangan. Skim ini juga termasuk manfaat elaun hospital harian sehingga 14 hari jika Ahli yang Dilindungi dimasukkan ke hospital kerajaan akibat kemalangan.

Dengan kerjasama rakan strategik (dirujuk sebagai "Pemegang Sijil Induk"), skim ini menawarkan perlindungan kepada usahawan mikro yang layak berumur antara **sembilan belas (19) dan lima puluh (50) tahun** pada hari jadi akan datang (dirujuk sebagai "Ahli yang Dilindungi")

Tempoh perlindungan adalah **dua belas (12) bulan** dan skim ini diuruskan secara eksklusif oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN").

Konsep Syariah berkenaan

- **Ta`awun:** Apabila Kerajaan, Pemegang Sijil Induk dan PruBSN menyumbang kepada Dana *Tabarru`* untuk manfaat kewangan bersama apabila berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu.
- **Wakalah bi al-ujrah:** Apabila Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi melantik PruBSN untuk mengurus dan melaburkan dana dengan bayaran, ditambah dengan bayaran yuran prestasi daripada lebihan boleh agih daripada Dana *Tabarru`*.

Nota: Penerangan produk di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat anda?

Dengan sumbangan takaful sekali sahaja sebanyak RM10, manfaat takaful akan disediakan seperti berikut:

Manfaat untuk setiap Ahli yang Dilindungi yang layak	Jumlah yang Dilindungi (RM)
Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan*	10,000
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	20,000
Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan (Akibat Kemalangan)	RM50/sehari (Sehingga 14 hari)

Tempoh Perlindungan

- Skim ini menawarkan perlindungan selama tempoh **dua belas (12) bulan**.

* *Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan tidak akan dibayar jika kematian bukan akibat kemalangan berlaku dalam tempoh 4 bulan pertama Tempoh Menunggu dari tarikh permulaan perlindungan.*

Nota: Penerangan perlindungan dan manfaat di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi PruBSN atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Produk(-produk) takaful keluarga anda **mengecualikan:**

Kami tidak akan membayar **Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan** sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan:

- bunuh diri semasa waras atau tidak siaman dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan perlindungan; atau
- sebab bukan akibat kemalangan tetapi dalam tempoh 4 bulan Tempoh Menunggu dari tarikh permulaan perlindungan.

Kami tidak akan membayar **Manfaat Kematian Akibat Kemalangan** sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau

- peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa, penglibatan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam.

Kami tidak akan membayar **Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan (Akibat Kemalangan)** jika kemasukan ke hospital secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagiannya disebabkan oleh:

- Keadaan Sedia Ada atau kecederaan akibat kemalangan yang berlaku sebelum tarikh permulaan perlindungan; atau
- apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang berpunca bukan akibat kemalangan.

Nota: Senarai pengecualian di atas adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi PruBSN di
03 2775 7188



Emel PruBSN di:
customer.micotakaful@prubsn.com.my

3 Ketahui Kewajipan anda?

Untuk sijil takaful keluarga ini, anda mesti membayar sumbangan takaful sekali sebanyak RM10.

Sumbangan Takaful	<p>Perlindungan TEKAD PruBSN ialah skim dengan sumbangan takaful sekali yang ditaja sebahagiannya oleh Kerajaan Malaysia, PruBSN dan Pemegang Sijil Induk.</p> <p>Tambahan pula, setiap Ahli yang Dilindungi membayar RM10.00, sebagai sebahagian daripada sumbangan takaful sekali untuk menampung sebahagian Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan untuk perbelanjaan pengurusan kepada PruSBN.</p>
-------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

4 Terma Utama Lain

- **Penamaan** – Ahli yang Dilindungi dinasihatkan supaya menamakan penama untuk sijil takaful bagi memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Ahli yang Dilindungi juga harus memastikan bahawa penama(-penama) mengetahui tentang sijil yang telah diambil.
- **Tempoh Menunggu** - Kelayakan untuk Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan hanya akan bermula 4 bulan dari tarikh permulaan perlindungan.
- **Pembaharuan** - Pembaharuan perlindungan adalah tidak dijamin. Ahli yang Dilindungi yang layak mesti memohon semula pembaharuan perlindungan sebelum perlindungan semasa mereka tamat. Setelah pembaharuan, Tempoh Menunggu 4 bulan akan terpakai sekali lagi untuk Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan jika sumbangan tidak diterima oleh PruBSN dalam tiga puluh (30) hari selepas perlindungan sebelumnya tamat.
- **Tuntutan** – Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk memahami dengan lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.

Nota: Terma-terma utama di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.

- **Tempoh Rujukan Percuma** Anda boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memberi notis secara bertulis terus kepada PruBSN atau melalui arahan bertulis Pemegang Sijil Induk dan memberikan maklumat pengecaman peribadi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh permulaan perlindungan. PruBSN akan membayar balik sumbangan dibayar oleh anda, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh rujukan percuma.
- **Notis Bertulis:** Anda boleh membatalkan perlindungan anda selepas tempoh rujukan percuma dengan memberi pemberitahuan awal tiga puluh (30) hari secara bertulis kepada PruBSN. Perlindungan akan diteruskan sehingga tamat perlindungan dan tidak akan diperbaharui pada tahun berikutnya. Tiada nilai penyerahan akan dibayar dan sumbangan yang dibayar tidak akan dikembalikan.

Nota: Terma-terma utama di atas adalah **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

PruBSN adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).